

Pewaris dekatkan mahasiswa pada masyarakat

DALAM usaha memecah tembok pemisah antara masyarakat dan mahasiswa, Jabatan Penerangan Negeri Selangor (JPNS) menganjurkan Program Pewaris Muda Negara (Pewaris) di Kampung Setia, Kuang, Selangor baru-baru ini.

Program berkonsepkan Anak Angkat dan Bakti Siswa anjuran JPNS dengan kerjasama Komuniti 1Malaysia itu melibatkan 50 peserta terdiri daripada mahasiswa Universiti Putra Malaysia (UPM), Institut Latihan Perindustrian Banting, Ramsay Sime Darby Healthcare College, Kolej Antragangsa Putra Intelek dan Autoprime College menyaksikan mereka menjadi anak angkat kepada 30 keluarga di kampung berkenaan.

Program itu bertujuan meningkatkan nilai tambah pelajar khususnya melalui kaedah pengamalan komunikasi berkesan

agar dapat melahirkan mahasiswa pewaris negara yang berwibawa, cintakan negara dan bermaklumat selain memupuk semangat cintakan negara.

Ia sesuai dengan agenda nasional untuk melahirkan rakyat yang mempunyai jati diri, bersemangat kekitaan dan memiliki mentaliti kelas pertama.

Sepanjang tiga hari, peserta bersama keluarga angkat masing-masing mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti antaranya mengimarahkan masjid, cetusan minda dan pemantapan silaturahim bersama keluarga angkat.

Majlis penyerahan Anak-Anak Angkat itu telah disempurnakan oleh Pengarah Penerangan Negeri Selangor, Nurbaya Jamaludin.

Manakala majlis penutup telah disempurnakan oleh, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kuang, Datuk



Abdul Shukur Idrus,

Tidak ketinggalan semua peserta turut mengambil bahagian dalam gotong-royong dan kenduri kampung bersama keluarga angkat, pemimpin masyarakat, taklimat minda bersama pemimpin, aktiviti zumba.

Selain itu, tayangan filem layar bestari, ceramah kenegaraan, keagamaan dan kerohanian serta aktiviti Latihan Dalam Kumpulan (LDK) sepanjang program.

Mengulas lanjut mengenai program unik berkenaan, **Abdul Shukur Idrus** berkata, aktiviti mahasiswa bersama

ABDUL SHUKUR IDRUS (dua dari kiri) menyampaikan sijil penghargaan kepada salah seorang peserta sambil diperhatikan Nurbaya Jamaludin (kanan).

masyarakat kampung signifikan dalam menyerlahkan semangat mahasiswa dan penduduk menjayakan sebuah matlamat.

Malah katanya, ia selaras dengan gagasan 1Malaysia yang mahu seluruh rakyat bersatu padu membentuk negara makmur.

"Pewaris boleh dianggap sebagai simbolik perpaduan yang bakal memacu kejayaan kita menjadi lebih hebat," katanya.

Bagi Nurbaya Jamaludin pula, program ini telah mencapai matlamat dalam usaha mencantum nilai kemasyarakatan di kalangan penduduk dan mahasiswa.

Beliau menambah, melihat keberkesanan program itu, pihaknya akan memperluaskan program berkenaan ke kampung yang lain pula di negeri Selangor.

"Program Pewaris diharap dijadikan program tetap kerana ia mempunyai elemen-elemen tarikan dalam membina negara bangsa selain menyumbang khidmat kepada masyarakat setempat."

"Kita melihat golongan mahasiswa ini adalah terpelajar malah mempunyai idealisme tersendiri dan sudah pasti ia akan menjadi ikutan untuk berjaya pada masa akan datang," katanya.



SEBAHAGIAN daripada peserta yang menjayakan Program Pewaris Muda Negara (Pewaris) di Kampung Setia, Kuang, Selangor baru-baru ini.